

IN THE COURT OF APPEAL OF MALAYSIA

Coram: Abdul Rahman Sebli, JCA; Kamardin Hashim, JCA; Abdul Karim Abdul Jalil, JCA

Nutchanad Jongjaroen v Pendakwa Raya

Citation: [2018] MYCA 325 **Suit Number:** Rayuan Jenayah No. K-05(M)-414-11/2016

Date of Judgment: 04 October 2018

PENGHAKIMAN**Pendahuluan**

[1] Perayu, seorang wanita warganegara Thailand, telah didakwa di Mahkamah Tinggi Alor Star dengan satu pertuduhan seperti berikut:

"Bahawa kamu pada 23 Julai 2014, jam lebih kurang 12.40 tengah hari di Unit Pemeriksaan Penumpang Bas/ Pejalan Kaki, Kompleks Imigresen, Bukit Kayu Hitam, dalam Daerah Kubang Pasu, dalam Negeri Kedah Darulaman telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu Methamphetamine seberat 1,453 gram dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama."

[2] Di akhir perbicaraan, YA Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi ('hakim bicara') telah mendapati Perayu bersalah dan menjatuhkan hukuman mati mandatori ke atas Perayu. Terkilan dengan sabitan dan hukuman tersebut, Perayu telah merayu ke Mahkamah ini.

[3] Kami telah mendengar rayuan Perayu pada 21.8.2018. Setelah menimbangkan penghujahan pihak-pihak dan meneliti keseluruhan rekod rayuan, kami sebulat suara mendapati rayuan Perayu tidak mempunyai sebarang merit. Dengan itu rayuan Perayu telah ditolak. Berikut ialah alasan kami menolak rayuan Perayu.

Kes Pendakwaan

[4] Fakta kes pendakwaan telah dihuraikan oleh YA hakim bicara dalam penghakimannya. Tidak perlu kami ulangnya di sini. Hanya cukup kami menyatakan dengan secara ringkas bagi maksud pelupusan rayuan Perayu. Pada 23.7.2014 jam lebih kurang 12.30 tengah hari, Pegawai Kastam Helmy Bin Mohd Zaini (SP2) yang ketika itu sedang menjalankan tugas mengendalikannya mesin

pengimbas di Kaunter Pemeriksaan Penumpang Bas/ Pejalan Kaki, Kompleks Imigresen, Bukit Kayu Hitam melihat Perayu datang dengan membawa sebuah beg galas berwarna hitam (P15). Perayu telah meletakkan P15 atas mesin pengimbas bagi tujuan pemeriksaan keselamatan.

[5] Hasil imbasan, SP2 dapat melihat imej yang mencurigakan berada di dalam beg P15 tersebut. Perayu telah diarahkan oleh SP2 untuk membawa P15 ke Kaunter Pemeriksaan Penumpang untuk satu pemeriksaan dilakukan. Setelah berada di Kaunter Pemeriksaan tersebut, Perayu telah membuka beg P15 setelah diarahkan oleh SP2. Pada masa yang sama, Perayu telah menyerahkan pasportnya (P17) setelah diminta oleh SP2.

[6] Setelah P15 dibuka, SP2 mendapati di dalam P15 ada beberapa helai pakaian dan beberapa pasang kasut wanita. Atas arahan SP2, Perayu telah mengeluarkan barangan tersebut daripada P15. SP2 terus membuat pemeriksaan ke atas P15 yang telah dikosongkan dan mendapati bahagian dinding P15 agak tebal dan padat. SP2 turut mendapati P15 agak berat walaupun isi kandungan beg itu telah dikeluarkan.

[7] Seterusnya, SP2 telah memanggil Pegawai Kastam, Abdul Shukor Bin Mohammad (SP3) untuk membuat pemeriksaan rapi terhadap P15. SP3 turut mendapati dinding P15 agak tebal dan padat selain mendapati berat P15 agak luar biasa. SP3 telah memanggil Pegawai Kastam, Azizan Bin Abdullah (SP7) untuk membongkar beg P15 tersebut.

[8] SP7 telah membuat pembongkaran ke atas beg P15 dengan disaksikan oleh Perayu dan beberapa pegawai kastam yang lain termasuk Jayadevan Naidu a/l Ponnusamy (SP8) dan Logalingam a/l Perumal (SP1), setelah Perayu dan barang kes dibawa ke Pejabat Narkotik Alor Setar. SP1 bertindak merakam gambar semasa proses pembongkaran dilakukan oleh SP7. Dengan menggunakan pisau, SP7 telah menoreh dan membuka ruangan di bahagian dinding beg P15 tersebut. Setelah dibuka, terdapat dua bungkusan plastik yang setiap satu mengandungi hablur kristal disyaki dadah syabu di sebalik pelapik sebelah dalam beg P15 tersebut (P13D dan P13E). Perayu seterusnya ditahan dan diserahkan kepada pegawai penyiasat (SP8) bersama-sama barang kes yang disyaki dadah.

[9] Pada 27.7.2014 jam 11.17 pagi, SP8 telah menyerahkan P13D dan P13E yang dibungkus di dalam kotak bertanda P13 kepada Ahli Kimia, Yathindra a/l Marimuthu (SP5). Setelah dianalisis, SP5 mendapati dan mengesahkan P13D dan P13E tersebut mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine seberat 1,453 gram. SP5 juga mengesahkan bahawa Methamphetamine tersenarai dalam Jadual Pertama, **Akta Dadah Berbahaya, 1952 ('Akta')**. SP5 telah menyediakan satu laporan kimia bertarikh 8.9.2014 (P55).

Keputusan hakim bicara di akhir kes pendakwaan

[10] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap Perayu atas pertuduhan yang dihadapi. Hakim bicara menerima keterangan SP5 bahawa bahan hablur kristal dalam dua bungkusan (P13D dan P13E) yang ditemui tersembunyi di dalam beg P15 yang disandang oleh Perayu ialah dadah berbahaya jenis Methamphetamine seberat 1,453 gram, hal perkara dalam pertuduhan. Hakim bicara

juga mendapati rantaian keterangan mengenai barang kes tidak terputus dan tiada sebarang keraguan terhadap identiti barang kes dadah yang telah dikemukakan dan dicamkan oleh saksi-saksi pendakwaan di Mahkamah.

[11] Bagi elemen pemilikan, hakim bicara membuat dapatan bahawa Perayu mempunyai kawalan dan jagaan terhadap beg P15 dan sekali gus mempunyai kawalan dan jagaan terhadap barang kes dadah berbahaya yang dipertuduhkan yang tersimpan di dalam beg P15 tersebut. Seterusnya hakim bicara telah mengguna pakai anggapan di bawah seksyen 37(d) **Akta** iaitu Perayu dianggap mempunyai pengetahuan dan milikan terhadap dadah yang dipertuduhkan. Memandangkan berat dadah berbahaya yang terlibat ialah 1,453 gram, hakim bicara telah mengguna pakai anggapan pengedaran di bawah seksyen 37(da)(xvi) **Akta** terhadap Perayu. Hakim bicara telah mengguna pakai anggapan berganda dalam kes ini sebagaimana dibenarkan di bawah seksyen 37A **Akta** yang mula berkuat kuasa pada 15.2.2014 (kesalahan berlaku pada 23.7.2014).

[12] Setelah berpuas hati bahawa semua elemen pertuduhan telah berjaya dibuktikan terhadap Perayu oleh pihak pendakwaan, hakim bicara telah memerintahkan Perayu untuk membela dirinya atas pertuduhan yang dihadapi.

Kes pembelaan

[13] Perayu memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah. Keterangan Perayu secara ringkasnya seperti berikut. Dia berusia 37 tahun semasa ditangkap dan seorang janda. Dia bekerja sebagai seorang tukang urut. Kawannya, Rung yang turut bekerja sebagai tukang urut telah menghubunginya dan telah menawarkan kepadanya pekerjaan sebagai tukang urut di Pulau Pinang. Dia telah bersetuju dengan tawaran itu.

[14] Pada 22.7.2014, Perayu ingin bertolak ke Pulau Pinang dan Rung telah menghadiahkannya sebuah beg galas (P15) sebagai hadiah hari jadinya. Perayu menerima P15 sebagai hadiah hari jadi walaupun hari jadinya telah 4 bulan berlalu. Perayu juga menerima P15 sebagai hadiah kerana menganggap Rung seorang yang baik walaupun sebelum ini mereka pernah bergaduh mengenai komisen hasil pendapatan sebagai tukang urut dan pelacur.

[15] Sebelum menerima P15 daripada Rung, Perayu menyatakan dia hanya membawa satu beg kecil berisi alat kosmetik. Dia ada memeriksa beg P15 yang diberikan oleh Rung dan mendapati beg tersebut kelihatan kosong. Apabila dia ditangkap, Perayu merasakan bahawa dia telah dianiaya oleh Rung. Perayu turut mengemukakan percakapan beramaran (D66) kepada Mahkamah dan mendakwa telah memberikan maklumat mengenai Rung kepada pegawai penyiasat (SP8).

[16] Setelah membuat penelitian dan pertimbangan terhadap keterangan pembelaan Perayu, hakim bicara membuat dapatan bahawa pembelaan Perayu yang berasaskan kepada pembelaan pembawa tidak bersalah (*innocent carrier*) telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. Hakim bicara juga mendapati pihak pembelaan telah gagal untuk mematahkan anggapan di bawah seksyen 37(d) dan 37(da) **Akta** atas imbalan kebarangkalian. Hakim bicara mendapati Perayu bersalah dan disabitkan atas pertuduhan. Perayu dijatuhi hukuman

mandatori gantung di leher sehingga mati. Justeru, rayuan Perayu di hadapan kami.

Rayuan perayu

[17] Di hadapan kami, peguam bela terpelajar Perayu telah membangkitkan dua alasan rayuan berikut:

- (i) seksyen 402B **Kanun Prosedur Jenayah (KPJ)** berkaitan penerimaan masuk percakapan saksi (*witness statement*) telah gagal dipatuhi; dan
- (ii) hakim bicara khilaf dalam menolak pembelaan pembawa tidak bersalah (*innocent carrier*) yang dikemukakan oleh Perayu.

Dapatan dan keputusan kami

[18] Mengenai isu (i), peguam bela menghujahkan bahawa pernyataan saksi-saksi terutama saksi ahli kimia (SP5) tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan oleh sebab tidak ada rekod menunjukkan persetujuan pihak pembelaan untuk menerima masuk pernyataan saksi-saksi pendakwaan tersebut sebagai keterangan. Oleh yang demikian dihujahkan, tanpa keterangan ahli kimia satu kes *prima facie* telah gagal diwujudkan oleh pihak pendakwaan.

[19] Seksyen 402B **KPJ** memperuntukkan seperti berikut:

“Proof by written statement

402B. (1) *In any criminal proceedings, a written statement by any person shall, with the consent of the parties to the proceedings and subject to the conditions contained in subsection (2), be admissible as evidence to the like extent as oral evidence to the like effect by that person.*

(2) *A statement may be tendered in evidence under subsection (1) if-*

(a) *the statement purports to be signed by the person who made it;*

(b) *the statement contains a declaration by that person to the effect that it is true to the best of his knowledge and belief; and*

(c) *a copy of the statement is served, by or on behalf of the party proposing to tender it, on each of the other parties to the proceedings not later than fourteen days before the commencement of the trial unless the parties otherwise agree.*

(3) *Notwithstanding paragraph (2)(c), a party proposing to tender a statement in evidence under subsection (1) may not serve the statement to any other parties to the proceedings where the parties to the proceedings agree before or during the proceedings that the statement shall be so tendered.*

(4) *If a statement proposed to be tendered in evidence under subsection (1)-*

(a) is made by a person who cannot read, the statement shall be read and explained to him before he signs it and the statement shall be accompanied by a statutory declaration made under the Statutory Declarations Act 1960 [Act 13] by the person who so read the statement to the effect that it was so read and explained; or

(b) refers to any other document or object as an exhibit, the copy served on any other party to the proceedings under paragraph (2)(c) shall be accompanied by a copy of that document or by a photograph of the object and such information as may be necessary in order to enable the party on whom it is served to inspect the document or object, as the case may be, unless it is not expedient to do so.

(5) Notwithstanding that the written statement of a person may be admissible as evidence by virtue of this section-

(a) the party by whom or on whose behalf a copy of the statement was served may call the person making the statement to give additional evidence which may include matters which are not contained in the statement; and

(b) the maker of the statement shall attend the trial for cross-examination and re-examination, if so requested.

(6) So much of any statement as is admitted in evidence by virtue of this section shall, unless the Court otherwise directs, be read aloud at the trial and where the Court so directs an account shall be given orally of so much of any statement as is not read aloud.

(7) Any document or object referred to as an exhibit and identified in a written statement admitted in evidence under this section shall be treated as if it was produced as an exhibit and identified in the Court by the maker of the statement.

(8) A document required by this section to be served on any person may served-

(a) by delivering the document to the person himself or to his advocate; or

(b) in the case of a corporation, by delivering the document to the secretary or other like officer of the corporation at its registered or principal office or by sending the document by registered post addressed to the secretary or other like officer of the corporation at that office.”.

[20] Walaupun dalam hujahan bertulisnya bantahan peguam bela terpelajar terhadap pernyataan saksi berasaskan seksyen 402B(2)(a), (b) dan (c) iaitu pernyataan saksi tersebut tidak ditandatangani, tidak mengandungi perakuan dan tidak diserahkan kepada pihak pembelaan 14 hari sebelum perbicaraan, namun dalam hujahan lisannya di hadapan kami, peguam bela terpelajar tidak meneruskan dengan hujahan tersebut. Sebaliknya, peguam bela membangkitkan bantahan bahawa tiada persetujuan daripada pihak pembelaan sebelum pernyataan saksi-saksi itu diterima oleh hakim bicara. Atas bantahan ini, kami bersetuju dengan hujahan puan Timbalan Pendakwa Raya terpelajar bahawa

bantahan peguam bela pada peringkat ini tidak berasas oleh sebab peguam bela tidak membangkitkan sebarang bantahan yang sama di hadapan hakim bicara.

[21] Kami telah meneliti rekod rayuan dan kami mendapati bahawa setiap pernyataan saksi mengandungi perakuan saksi, ditandatangani oleh saksi serta dibacakan oleh saksi di hadapan Mahkamah. Sebelum itu, setiap saksi juga telah mengangkat sumpah di hadapan hakim bicara untuk memberikan keterangan yang benar, tidak ada yang tidak benar melainkan benar belaka. Kami juga mendapati tidak ada bantahan oleh peguam bela terpelajar terhadap penerimaan masuk pernyataan saksi sebagai keterangan saksi di Mahkamah. Malahan saksi-saksi, termasuk SP5, telah disoal-balas dengan panjang lebar oleh peguam bela terpelajar. Oleh yang demikian kami mendapati bahawa peruntukan seksyen 402B(2)(a), (b), (c) dan (3) **KPJ** telah dipenuhi dalam kes ini.

[22] Dalam kes **Hendra Kozama v PP** [2018] 1 LNS 6, Mahkamah ini dalam membincangkan isu yang sama, telah memutuskan seperti berikut:

*“[20] Thus, where the written statement is used at the trial without calling the maker to give evidence, the statement is admissible provided it contains the declaration in terms of paragraph (b) of section 402B(2). **But where, as in the present case, the makers of the statements were called to give evidence, the failure to make the declaration would not render the statements inadmissible. By the makers themselves giving evidence, the statements were no longer hearsay, which required the application of the exception to the hearsay rule in order for them to be admissible in evidence.***

[21] With due respect to learned counsel, it was incorrect for him to say that the prosecution had chosen to prove its case by way of written statements pursuant to section 402B of the CPC. That would only be true if the prosecution had relied entirely on the written statements to prove its case without calling the makers of the statements to give evidence at the trial.

[22] While it is true that the written statements were subject to the requirement of section 402B(2)(b) of the CPC, the prosecution by calling the makers to give evidence at the trial had adhered in pith and substance to the spirit of section 402B(2)(b), which is to ensure that the statements contained the truth.

[23] It needs to be emphasized that the makers of the written statements had taken oath to speak the truth before tendering the statements as their evidence in court. By taking oath under section 6 of the Oath and Affirmations Act, 1949, they had sworn to tell the truth and to stand by their written statements, which became part of their evidence in court. As we said earlier, they face prosecution for the offence under section 193 of the Penal Code if they were to give false evidence.

*[24] Given the serious penal consequences of giving false evidence in a judicial proceedings, we are of the view **that the taking of oath before a trial judge fulfills the object and requirement of section 402B(2)(b) of the CPC, that the statement is true to the best of the maker’s knowledge and belief.** We venture to say that taking oath before a judge has greater force than making a*

declaration under section 402B(2)(b), which is not even made before a person authorized by law to take oath.

[25] For this reason, the fact that the written statements in the present case did not contain the requisite declaration was an omission of no consequence. **The oaths that the makers of the statements made before the trial judge had served the purpose for which section 402B(2)(b) was designed to achieve. The omission would of course be fatal if they had not taken oath before giving evidence, for then the statements would be in breach of section 402B(2)(b) and therefore inadmissible in evidence.**

[26] It is also important to bear in mind that the makers of the statements were not called solely for the purpose of tendering their written statements. **The record shows that after their statements were tendered and marked as evidence, each of them went through the normal process of examination, i.e. examination-in-chief, cross-examination and re-examination. This was certainly not a case where, after tendering their written statements, they left the witness box, waved goodbye to everyone and returned home."**

[Penekanan oleh kami]

(lihat juga **Chikwenze Chidieble v PR**, Rayuan Jenayah No: B-05-247-08/2014; **Kingsley Obi Dike v PP** [2015] 7 CLJ 1039; **PP v Mohammadreza Aslanzad & Anor And Another Appeal** [2016] 2 CLJ 62; **Mohd Kusaini Mahmud v PP** [2016] 4 CLJ 216; **Hendra Kozama v PP** [2018] 1 LNS 6 dan **Barry Abdoul v PR** [2017] 1 LNS 122).

[23] Mengenai alasan rayuan di perenggan (ii), peguam bela terpelajar menghujahkan bahawa hakim bicara telah gagal untuk membuat pertimbangan dengan secukupnya sebelum menolak pembelaan pembawa tidak bersalah (*innocent carrier*) yang dikemukakan oleh Perayu. Setelah meneliti penghakiman hakim bicara, kami tidak bersetuju dengan hujahan peguam bela terpelajar.

[24] Kami mendapati bahawa hakim bicara telah membuat pertimbangan dengan secukupnya pembelaan Perayu dalam kes ini. Kami perturunkan dengan sepenuhnya dapatan dan keputusan hakim bicara terhadap pembelaan Perayu seperti di muka surat 30-35, Rekod Rayuan, Jilid 1, seperti berikut:

"73. Pembelaan Tertuduh terarah kepada pembelaan "*innocent carrier*" iaitu tidak mengetahui P15 yang dibawanya mengandungi dadah berbahaya [P13D dan P13E] yang tersembunyi pada kedua-dua dinding P15. Tertuduh menyatakan Rung yang telah menghadiahkan P15 sempena hari jadi Tertuduh.

74. Sebelum saya menyentuh pembelaan Tertuduh berpaksikan "*innocent carrier*", eloklah dihayati pandangan YA Abd Malik Ishak H [pada ketika itu] dalam kes **PP v. Tan Kok Ann** [1996] 2 CLJ 96 yang menyatakan:

"The time has come to apply rigorously the doctrine of wilful blindness when one considers

the question of knowledge. In the Malaysian context it is courteous to carry goods on behalf of one's friend to a third party. It is certainly discourteous to open those goods to see its contents before sending it to a third party. However, to apply the doctrine of wilful blindness successfully to any particular case would be solely dependent on the relevant inferences to be drawn by the trial Judge from all the facts and circumstances of the particular case, giving due weight, where necessary, to the credibility of the witnesses. Where the case for the prosecution is water-tight, the doctrine of wilful blindness should fail."

75. Pandangan dalam kes **Tan Kok Ann [supra]** diikuti dalam kes-kes yang terkemudiannya antaranya dalam kes **Samad Mohamed Sulthan v. PP [2012] 1 LNS 819** yang menggarap pembelaan "*innocent carrier*".

76. Saya turut merujuk keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes **Munuswamy Sundar Raj v. PP [2016] 1 CLJ 357** di mana YA Suriyadi Halim Omar HMP dalam penghakimannya secara terperinci dan berilmiah mengupas pemakaian pembelaan "*innocent carrier*" dalam kes pendedaran dadah.

77. Beliau dalam penghakimannya kes **Munuswamy [supra]** menyerahkan kepada kebijaksanaan Mahkamah Bicara untuk menimbangkan pembelaan "*innocent carrier*". Beliau dalam penghakimannya menzahirkan seperti berikut:

"[11] In order not to throttle the discretion of judges, let alone no cases are similar, we are loath to lay down restrictive guidelines for courts to consider prior to deciding whether the defence of innocent carrier can prevail. We leave it to the better judgment of the presiding judge. In the case of Marlan Marpaung v. PP [2012] 8 CLJ 41 the court had occasion to say:

The defence of the appellant cannot stand in isolation. It must be determined by reference to the facts and circumstances prevailing in each particular case (Ridwan v. PP [2010] 4 CLJ 570; Hoh Bon Tong v. PP [2010] 5 CLJ 240; and Wong Vui Chin v. PP [2011] 3 CLJ 383). In our judgment, the appellant could not avail himself of the defence of innocent carrier because there was ample evidence to show that the appellant had knowledge of the drugs that he was carrying. The contemporaneous conduct of the appellant by fleeing the scene and putting up a struggle with the police party before the discovery of the drugs would have a direct bearing on the facts in issue and would have certainly damaged or whittled away the presumption of innocence on the part of the appellant. A reasonable tribunal appraised of the facts and after hearing this appeal would have concluded that the appellant was not an innocent carrier and that the appellant knew that he was carrying the drugs in the black plastic bag (exh. "P24") for the purpose of trafficking."

78. Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam nas-nas duluan, saya akan menyentuh pembelaan "*innocent carrier*". Saya telah meneliti pembelaan Tertuduh secara mendalam khususnya berkaitan pembelaan "*innocent carrier*". Saya berpendapat pembelaan "*innocent carrier*" tidak dapat diterima atas alasan-alasan berikut:

(a) Tertuduh mempunyai pembelaan yang menyamai dalam kes **Hoh Bon Tong v. PP [2010] 5 CLJ 240** iaitu sengaja menutup mata atau tidak menghiraukan perkara yang jelas iaitu P15 yang dibawanya mengandungi dadah. Tertuduh dalam pembelaannya menyatakan pernah dirujuk kandungan P15 dan tahu kandungan di dalam beg [P15].

(b) Tertuduh sebaik menerima P15 daripada Rung [sekiranya benar], mempunyai masa yang cukup untuk memeriksa beg sebelum memasuki Malaysia iaitu lebih kurang sehari. Ini menunjukkan Tertuduh tahu kandungan di dalam P15 berisi dadah.

(c) Saya juga berpendapat Tertuduh sepatutnya merasa syak atau ragu-ragu apabila Rung memberi P15. Rung begitu bersusah payah untuk menghadiahkan P15 kepada Tertuduh walau pun sambutan hari lahir telah pun berlalu 4 bulan. Tertuduh bersusah payah menemui Rung dan menerima P15 dan tiada keperluan bagi Tertuduh untuk menukar beg pakaian Tertuduh. Saya memutuskan Tertuduh mengetahui P15 mengandungi dadah namun sengaja menutup mata berkenaan perkara ini. Tertuduh tidak perlu menukar beg pakaian asal sekiranya P15 dianggap sebagai hadiah oleh Rung. Tertuduh masih boleh menggunakan beg pakaian yang asalnya.

(d) Saya juga meneliti pembelaan Tertuduh, tiada keterangan mana-mana pihak memaksa untuk membawa P15. Tertuduh membawa P15 dengan rela hati tanpa apa-apa paksaan atau ugutan. Tertuduh boleh menolak pelawaan Rung untuk membawa P15 ke Malaysia.

(e) Saya juga menimbang percakapan Tertuduh [D66] yang menyatakan P15 bukan miliknya tetapi seorang kawan. Tertuduh jika benar menerima P15 sebagai hadiah daripada Rung, Tertuduh seawal mungkin boleh memberitahunya dalam D66.

(f) Tertuduh juga semasa pemeriksaan awal di Kaunter Pemeriksaan Bas/ Pejalan Kaki, Kompleks Imigresen di Bukit Kayu Hitam, boleh memberitahu kewujudan Rung kepada SP: 2, SP: 7 dan SP: 8. Tertuduh gagal memberitahu maklumat lanjut berkaitan identiti Rung termasuk nama, alamat dan nombor telefon kawannya itu.

79. Saya mendapat panduan dalam kes **Munuswamy [supra]** dan **Marlan Marpaung [supra]**, saya berpendapat pembelaan Tertuduh iaitu “*innocent carrier*” tidak dapat diterima.

...

81. Tertuduh sekadar bergantung kepada “*innocent carrier*” dan menyatakan Rung yang memberi P15 semasa berjumpa di Bangkok sebelum memasuki Malaysia. Tertuduh tidak mempunyai keterangan lainnya bagi membuktikan kewujudan Rung. Dadah yang disembunyikan sebegitu rupa dalam dinding P15 gagal dipatahkan atas imbangan kebarangkalian. Tertuduh mempunyai pengetahuan dadah dalam P15. Saksi pendakwaan dapat mengesyaki P15 mengandungi dadah semasa membuat pemeriksaan fizikal. P15 masih berasa berat dan keras walaupun isi kandungan P15 dikeluarkan.”.

[25] Kami sebulat suara mendapati bahawa hakim bicara telah membuat satu dapatan dan keputusan yang betul dalam menolak pembelaan Perayu. Hakim bicara tidak melakukan sebarang kekhilafan

sehingga memerlukan campur tangan kami untuk mengubah dapatan dan keputusan hakim bicara tersebut. Sebaliknya, kami bersetuju dengan sepenuhnya dapatan dan keputusan hakim bicara dalam menolak pembelaan Perayu.

Kesimpulan

[26] Berdasarkan alasan-alasan yang kami huraikan di atas, kami dengan sebulat suara mendapati bahawa tidak ada sebarang merit dalam rayuan Perayu. Kami mendapati sabitan adalah selamat dan disokong oleh keterangan yang kukuh dan mencukupi. Dengan itu, rayuan Perayu ditolak. Sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi disah dan dikekalkan.

Bertarikh: 4 Oktober 2018

t.t.

KAMARDIN BIN HASHIM

Hakim

Mahkamah Rayuan Malaysia

COUNSEL

Bagi Pihak Perayu: C. Shanmugaiyah, Tetuan C. Shanmugaiyah & Co, No. 24, Tingkat Satu, Jalan Ibrahim, 08000 Sungai Petani, Kedah Darulaman

Bagi Pihak Responden: Hanim Bte Mohd Rashid, Timbalan Pendakwa Raya, Bahagian Perbicaraan dan Rayuan, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya

LEGISLATION REFERRED TO:

Akta Dadah Berbahaya 1952, Jadual Pertama; Seksyen-seksyen 37(d), 37(da), 37(da)(xvi), 37A

Kanun Prosedur Jenayah, Seksyen-seksyen 402B, 402B(2)(a), (b), (c) dan (3)

JUDGMENTS REFERRED TO:

Barry Abdoul v PR [2017] 1 LNS 122

Chikwenze Chidieble v PR, Rayuan Jenayah No: B-05-247-08/2014

Hendra Kozama v PP [2018] 1 LNS 6

Kingsley Obi Dike v PP [2015] 7 CLJ 1039

Mohd Kusaini Mahmud v PP [2016] 4 CLJ 216

PP v Mohammadreza Aslanzad & Anor and Another Appeal [2016] 2 CLJ 62

Notice: The Promoters of Malaysian Judgments acknowledge the permission granted by the relevant official/ original source for the reproduction of the above/ attached materials. You shall not reproduce the above/ attached materials in whole or in part without the prior written consent of the Promoters and/or the original/ official source. Neither the Promoters nor the official/ original source will be liable for any loss, injury, claim, liability, or damage caused directly, indirectly or incidentally to errors in or omissions from the above/ attached materials. The Promoters and the official/ original source also disclaim and exclude all liabilities in respect of anything done or omitted to be done in reliance upon the whole or any part of the above/attached materials. The access to, and the use of, Malaysian Judgments and contents herein are subject to the [Terms of Use](#).